

BAB 3

Perkaedahan Kajian

Kajian kes deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan. Secara khususnya kajian ini ingin mengkaji permasalahan dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu. Di samping itu bagi mendapatkan pemahaman tentang program pemulihan ini proses pelaksanaan program secara menyeluruh juga diteliti. Dalam bab tiga ini penyelidik akan membentangkan aspek pemilihan pendekatan dan kaedah kajian; penentuan tempat dan peserta kajian; penentuan tempoh kajian; tatacara kajian; pemprosesan dan penganalisan data secara kualitatif; serta kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

3.1 Faktor Pemilihan Pendekatan dan Kaedah Kajian

Sebagaimana yang telah dinyatakan, fokus kajian ini adalah berkaitan dengan permasalahan dan cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan. Penyelidik memilih pendekatan kualitatif secara kajian kes bagi membolehkan penyelidik membuat pemerhatian terus dalam situasi dan persekitaran yang sebenar iaitu didalam kelas (Bogdan dan Biklen, 1992 ; Marohaini Yusoff, 2001). Untuk melihat permasalahan dan cabaran dalam melaksanakan program ini di dalam kelas yang dihadapi oleh guru, penyelidik perlu terlibat secara langsung memerhati proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tanpa sebarang gangguan atau campur tangan. Penyelidik mengutip data yang berkaitan dengan proses pengajaran dan

pembelajaran, perlakuan guru dan pelajar, catatan di papan tulis dan peristiwa yang berlaku sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Jadi penyelidik akan memperoleh data secara natural iaitu di dalam bilik darjah tempat sebenar berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran bukannya di tempat lain.

Selain itu penyelidik dapat meneliti dan mengkaji secara mendalam melalui kajian yang dijalankan secara kajian kes (Yin, 1989; Gay, 1996; Fraenkel, 1996). Penyelidik dapat melihat dan menyiasat secara mendalam tentang permasalahan dan cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan kerana kajian hanya melibatkan satu tempat kajian dan seorang peserta kajian. Justeru itu kajian secara intensif tentang permasalahan program pemulihan dapat dilakukan dengan menggunakan teknik pemerhatian kelas, temu bual dan bukti dokumen bagi memperoleh data dan maklumat yang terperinci untuk menjawab soalan kajian ini.

Kaedah kajian kes berpendekatan kualitatif juga membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang bercorak proses yang melibatkan persoalan apa, mengapa, dan bagaimana program pemulihan dilaksanakan di dalam kelas sebenar. Contohnya apakah yang menjadi masalah dan cabaran dalam program pemulihan, mengapakah masalah itu berlaku dan bagaimanakah masalah itu diatasi bagi menjayakan program tersebut.

Melalui kaedah kajian kes, penyelidik berpeluang untuk memerhati dan merapatkan diri kepada peserta kajian, berinteraksi dengan peserta kajian dan seterusnya data kajian. Dengan cara ini permasalahan dan cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu dapat dilihat dan dikaji dalam konteks pelaksanaan program itu berlaku. Konteks ini dapat memberi gambaran yang holistik tentang masalah yang berlaku apabila program itu dilaksanakan di dalam kelas. Menurut

Cronbach dalam Marohaini Yusoff (2001) hal ini dapat mewujudkan pemahaman yang lebih baik bagi pihak penyelidik untuk membuat interpretasi data.

Alat kajian utama atau instrumen utama dalam kajian ini ialah diri penyelidik sendiri. Menurut Marohaini Yusoff (2001) penggunaan penyelidik sebagai alat utama penyelidikan akan dapat membuahakan pemahaman yang lebih baik tentang perlakuan yang diperhatikan kerana penyelidik sebagai seorang manusia dapat berperanan sebagai alat penyelidikan yang sensitif dan berkeupayaan untuk bertindak balas dengan peserta dan konteks kajian. Hal ini membolehkan penyelidik memperoleh maklumat tentang permasalahan guru dalam melaksanakan program pemulihan. Selain itu penggunaan penyelidik sebagai alat penyelidikan akan dapat menghasilkan data yang bermakna (Marohaini Yusoff, 2001). Penyelidik dapat menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang dikaji untuk mencerap proses yang berlaku di dalam bilik darjah.

Oleh sebab itu, pada peringkat awal memasuki tempat kajian penyelidik amat menekankan persefahaman yang dibina dengan peserta kajian. Penyelidik berjumpa dengan guru dan meminta persetujuan guru untuk menjadi peserta kajian, memaklumkan guru masa untuk membuat pemerhatian, meminta izin untuk menulis biodata guru dan mengadakan perbincangan tentang sesi temubual yang akan diadakan. Hal ini adalah untuk mengelakkan penyelidik terlepas pandang sebaliknya sentiasa bersikap peka dan prihatin terhadap sebarang kemungkinan yang berlaku sepanjang tempoh kajian berlangsung.

Oleh yang demikian, kaedah kajian kes secara kualitatif ini dipilih kerana kesesuaiannya dengan proses pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu di dalam kelas secara realistik dan natural. Selain itu penyelidik berpeluang untuk memahami persoalan yang dikaji dengan lebih

mendalam lagi. Penyelidik juga dapat menggunakan pengetahuan serta pengalaman yang ada untuk meneliti dan menelaah masalah kajian dengan bermakna.

Berikut akan dibincangkan kriteria penentuan dan pemilihan tempat kajian bagi mengendalikan pengutipan dan pengumpulan data kajian.

3.2 Penentuan dan Pemilihan Tempat Kajian

Tujuan kajian ini sendiri menjadi kriteria utama dalam menentukan pemilihan tempat kajian. Oleh sebab kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengkaji proses pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan maka penyelidik telah membuat tinjauan di dua buah sekolah menengah di dalam daerah Gombak untuk dijadikan sebagai tempat kajian. Hal ini kerana tidak banyak sekolah yang mengadakan *Program Pemulihan Bahasa Melayu secara menyeluruh* dan dua buah sekolah ini telah dikenal pasti oleh penyelidik menjalankan program pemulihan secara menyeluruh.

Bagi mewujudkan pelaksanaan kajian yang teratur dan mendalam, penyelidik membataskan tempat kajian di sebuah sekolah menengah di daerah Gombak. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai atau SMKBM (bukan nama sebenar) dipilih sebagai tempat kajian. Oleh itu penyelidik hanya perlu menumpukan perhatian kepada sebuah sekolah. Menurut Marohaini Yusoff (2001) sesebuah tempat kajian yang dipilih hendaklah mudah dan tidak

kompleks bagi menjimatkan masa penyelidikan. Ini akan memudahkan penyelidik lebih kerap membuat lawatan untuk membuat pemerhatian dan temu bual di sekolah.

Peluang pemilihan kelas sebagai konteks kajian merupakan salah satu kriteria yang menentukan pemilihan tempat kajian. Penyelidik melihat SMKBM mempunyai kelas-kelas Tingkatan Peralihan. Sebuah kelas Tingkatan Peralihan telah dipilih untuk dalam subjek Bahasa Melayu. Kelas Tingkatan Peralihan yang terlibat dengan pendidikan pemulihan telah dipilih oleh penyelidik sebagai konteks kajian ini bagi memperoleh maklumat kajian yang lebih realistik, lengkap dan mantap.

Kesanggupan dan sokongan serta sikap kerjasama yang ditunjuk dan dipaparkan oleh pengetua, pentadbir lain dan guru-guru menggalakkan penyelidik memilih SMKBM. Hal ini sangat penting kerana dapat memastikan penyelidik mendapat kebenaran secara berterusan untuk keluar masuk ke sekolah dan membuat kajian sepanjang tempoh kajian dijalankan. Penyelidik mendapat kebenaran secara berterusan untuk memasuki pejabat, bilik guru, kantin, bilik darjah dan perpustakaan.

Kesimpulannya, penyelidik menggunakan empat kriteria untuk menentukan pemilihan tempat kajian iaitu tujuan kajian, batasan kajian, peluang pemilihan kelas serta kemasukan dan kebenaran.

3.3 Penentuan dan Pemilihan Peserta Kajian

Menurut Gay (1996) penyelidik kajian kualitatif memilih sampel yang bertujuan (purposive

sampling) dan menepati kajian yang hendak dijalankan. Dalam hal ini penyelidik memilih seorang peserta kajian (key informant) iaitu guru Bahasa Melayu yang terlibat dengan pendidikan pemulihan di kelas Tingkatan Peralihan.

Selain itu pelajar-pelajar dalam kelas Peralihan yang terlibat dengan pendidikan pemulihan, Pengetua, Guru Penolong Kanan Akademik juga dilibatkan dalam pengumpulan data kajian. Pelajar-pelajar Tingkatan Peralihan yang telah mengikuti pendidikan pemulihan ini diharapkan dapat memberikan maklumat kepada penyelidik tentang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Di samping itu pihak pentadbir sebagai pihak yang memantau dan menyelia program pemulihan ini dapat memberikan gambaran dan maklumat tentang pelaksanaan dan permasalahan program ini. Lagipun penyelidik juga mempunyai pengalaman sebagai salah seorang ahli jawatankuasa Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Peralihan dan memahami pelaksanaan serta permasalahan program pemulihan ini sedikit sebanyak. Berdasarkan faktor ini penyelidik berharap agar maklumat yang lebih *natural*, *realistik* diperolehi.

Selain menentukan dan memilih tempat kajian dan peserta kajian, tempoh bagi melaksanakan kajian ini juga ditentukan oleh penyelidik. Terdapat beberapa kriteria yang menentukan tempoh kajian ini dijalankan.

3.4 Penentuan Tempoh Kajian

Menurut Jorgensen dalam Marohaini Yusoff (2001) tempoh sesebuah kajian lapangan itu dapat dipendekkan atau dipanjangkan berdasarkan apa yang berlaku dalam sesebuah kajian. Tempoh kajian merujuk kepada batasan masa kajian sebenar yang dilaksanakan iaitu bermula pada hari pertama di tempat kajian dan tamat pada hari akhir penyelidik berada di tempat kajian.

Secara keseluruhan, kajian ini berlangsung selama lima minggu memandangkan kajian ini hanya merupakan kertas projek penyelidikan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan. Kajian ini bermula pada 7 Julai 2003 dan berakhir pada awal bulan Ogos 2003. Tempoh kajian ini juga tertakluk kepada tempoh pengajian penyelidikan selama empat semester yang akan berakhir pada bulan September 2003. Penyelidik terikat dengan perjanjian Biasiswa Persekutuan Kementerian Pendidikan yang menetapkan bahawa penyelidik perlu menghabiskan pengajian dalam tempoh dua tahun atau empat semester. Selain itu tempoh kajian ini juga tertakluk kepada syarat yang telah ditentukan oleh pihak Fakulti Pendidikan yang menetapkan tempoh masa kertas projek perlu disiapkan dalam satu semester sahaja.

Berdasarkan pengalaman penyelidik permasalahan yang ketara dalam Program Pemulihan Bahasa Melayu dapat dikesan setelah program itu berlangsung untuk satu jangka waktu. Walaupun masalah didapati berlaku pada peringkat awal pelaksanaan program namun masalah yang lebih mencabar wujud dari semasa ke semasa sepanjang program ini dilaksanakan di sekolah.

3.5 Tatabara Kajian

Dalam bahagian ini akan dijelaskan tatabara kajian yang terdiri daripada beberapa peringkat iaitu peringkat prakajian, peringkat pelaksanaan kajian dan pengumpulan data, peringkat memproses dan menganalisis data.

3.5.1 Peringkat Prakajian

Penyelidik menyiapkan kertas cadangan kajian untuk dihantar bagi mendapatkan kelulusan dengan bimbingan dan bantuan daripada pensyarah penyelia iaitu Profesor Madya Dr. Mahzan Arshad. Setelah memperoleh kelulusan tajuk penyelidikan daripada pihak Fakulti Pendidikan Universiti Malaya penyelidik mendapatkan surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah. Seterusnya penyelidik berurusan dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk memperoleh surat kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah di negeri Selangor. Kemudian penyelidik bertemu dengan Pengetua SMKBM beserta dengan surat-surat tersebut bagi mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah berkenaan. Kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak pentadbir dan guru SMKBM menyebabkan penyelidik memilih sekolah tersebut. Di samping itu di SMKBM terdapat pelajar-pelajar Peralihan yang bermasalah dalam pembelajaran yang dikumpulkan di dalam satu kelas.

3.5.2 Peringkat Pelaksanaan Kajian dan Pengumpulan Data

Penyelidikan ini bermula pada 7 Julai 2003 dan berlangsung selama lima minggu. Menurut Jorgensen dalam Marohaini Yusoff (2001) tempoh kajian lapangan itu dapat dipendekkan atau dipanjangkan bergantung pada apa yang berlaku dalam sesebuah kajian seperti ketepuan data yang diperlukan. Pada minggu yang pertama penyelidik mengambil peluang ini untuk berkenalan dan menyesuaikan diri dengan warga sekolah yang terdiri daripada pihak pentadbir, guru dan pelajar-pelajar. Bagi mendapatkan gambaran tentang kegiatan harian sekolah dan Program

Pemulihan Bahasa Melayu penyelidik telah membuat pemerhatian dan mengadakan perbincangan dengan Pengetua, Guru Penolong Kanan Akademik dan guru yang terlibat dengan program pemulihan ini.

Penyelidik sebagai instrumen utama penyelidikan menggunakan ketiga-tiga teknik utama yang biasa digunakan iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen (Spradely, 1980; Merriam, 1988; Bogdan dan Biklen, 1992; Marohaini Yusoff, 2001) digunakan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Pengutipan data daripada pelbagai sumber dapat mewujudkan konstruk dan kebolehpercayaan (Yin, 1994). Menurut Marohaini Yusoff (2001) penggunaan pelbagai teknik pengutipan data ini memberi triangulasi atau pengukuhan data. Bagi memastikan kajian ini tidak lari daripada tujuan dan soalan kajian penyelidik membuat catatan refleksi dalam memo yang berkaitan dengan aspek metodologi kajian kes kualitatif.

Pemerhatian di dalam Kelas

Melalui pemerhatian di dalam kelas penyelidik berpeluang untuk melihat perlakuan peserta kajian secara langsung di samping mengenal pasti hal-hal yang dianggap biasa di kalangan mereka yang terlibat. Penyelidik meminta kebenaran daripada peserta kajian untuk memasuki kelas untuk membuat pemerhatian. Oleh itu semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas penyelidik dapat memerhati perlakuan peserta kajian secara langsung.

Ketika menjalankan pemerhatian, penyelidik duduk di bahagian belakang kelas dan bertindak sebagai pemerhati (Fraenkel, 1996). Sambil menumpukan perhatian kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran penyelidik membuat catatan lapangan mencatat pernyataan,

perlakuan guru serta pelajar di dalam kelas. Penyelidik menjalankan pemerhatian di dalam kelas sebanyak enam kali. Menurut Marohaini Yusoff (2001) pemerhatian amat berguna bagi membolehkan penyelidik meneroka perkara yang peserta kajian mungkin tidak berasa senang atau bebas menyatakannya semasa di temu bual.

Temu Bual

Dalam kajian ini, selain teknik pemerhatian penyelidik mengutip data deskriptif melalui temu bual (Merriam, 1988). Penggunaan teknik temu bual ini ketara dan sama penting dalam kajian yang melibatkan pemerhatian peserta (Bogdan dan Biklen, 1992; Marohaini Yusoff, 2001). Hal ini kerana melalui temu bual, data yang diperoleh daripada pemerhatian dapat diperkukuh dan diperlengkapkan.

Menurut Marohaini Yusoff (2001) penggunaan teknik temu bual membolehkan penyelidik mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung daripada peserta kajian. Dalam konteks kajian ini apa yang difikirkan oleh peserta kajian dan pandangan serta pengalaman menghadapi masalah semasa pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu dapat diketahui oleh penyelidik melalui temu bual. Berdasarkan ekspresi muka dan pergerakan tangan penyelidik yang diperlihatkan penyelidik dapat membuat interpretasi yang lebih tepat.

Dalam kajian ini ini penyelidik menggunakan teknik temu bual formal dan tidak formal untuk mengutip data. Temu bual dengan guru dijalankan pada waktu lapang guru atau selepas satu-satu sesi pengajaran berjalan. Penyelidik menemu bual pelajar-pelajar ketika guru tidak

masuk ke kelas atas sesuatu sebab atau urusan atau pada waktu pelajar tidak terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah contohnya semasa di perpustakaan atau di kantin.

Temu bual yang dijalankan dirakamkan dalam pita kaset dengan persetujuan peserta kajian. Selain itu penyelidik juga membuat catatan tentang perlakuan bukan lisan yang diperlihatkan oleh peserta kajian semasa di temu bual. Penyelidik menggunakan tema-tema utama yang berikut bagi membina soalan-soalan temu bual :

- i) pengalaman dan pengetahuan tentang pendidikan pemulihan
- ii) kaedah dan teknik pengajaran
- iii) masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi
- iv) sikap pelajar dan pencapaian pelajar

Data-data daripada pemerhatian dan temu bual seterusnya dibuat perbandingan dan diperkemas lagi dengan data daripada bukti dokumen.

Bukti Dokumen

Menurut Merriam (1988) bukti dokumen merupakan sumber data yang ketiga pentingnya dalam penyelidikan kes. Gay (1996) menyatakan bahawa bukti dokumen wujud dalam bentuk yang bertulis atau bentuk yang tidak bertulis untuk membolehkan penyelidik memahami situasi yang dikaji.

Dalam kajian ini terdapat beberapa jenis dokumen yang digunakan oleh penyelidik. Penyelidik merujuk kepada jadual waktu guru dan kelas, maklumat peribadi dan pengalaman

mengajar guru, buku rekod mengajar, buku rekod kedatangan pelajar dan buku latihan pelajar. Melalui bukti dokumen ini penyelidik dapat meningkatkan dan mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada teknik pemerhatian dan temu bual.

Dalam pengutipan dan pengumpulan data secara umumnya kajian ini menggunakan tiga teknik utama yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Kepelbagaian teknik pengumpulan data ini dapat menghasilkan seberapa banyak data deskriptif dan memberi pengukuhan data (Merriam, 1988; Marohaini Yusoff, 2001).

Berikutnya akan dibincangkan peringkat memproses dan menganalisis data yang dilakukan dalam dua peringkat iaitu semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data.

3.5.3 Peringkat Memproses dan Menganalisis Data

Semasa pengutipan data penyelidik terus membuat penganalisan data bagi mengelakkan penyelidik mengalami masalah dalam proses menganalisis data pada akhir kajian nanti. Menurut Miles dan Huberman (1994) penganalisan data semasa pengutipan data dapat membantu penyelidik untuk membuat pusingan kembali dan seterusnya berfikir tentang kewujudan data dan menimbulkan strategi untuk mengutip data baru dan data yang lebih baik. Untuk memandu kerja lapangan seterusnya penyelidik perlu membaca catatan lapangan, transkripsi temu bual dan bukti dokumen yang berkaitan. Penyelidik juga seharusnya memulakan proses kodifikasi untuk mengecam pola tema yang berkaitan dengan tujuan kajian dan soalan kajian.

Pada peringkat ini penyelidik akan merekodkan pemerhatiannya tentang apa-apa yang dilihat di tempat kajian. Dalam konteks kajian ini catatan lapangan yang dibuat semasa pemerhatian kelas meliputi aspek fizikal dan perkara yang berlaku di dalam kelas dan pernyataan yang dibuat secara langsung oleh peserta kajian dan pelajar-pelajar. Seterusnya, penyelidik meringkaskan data dan menulisnya di dalam borang ringkasan catatan lapangan. Selain itu penyelidik juga perlu membuat transkripsi bagi semua temu bual yang telah dirakam sebelum diringkaskan ke dalam borang ringkasan temu bual. Begitu juga dengan dokumen, penyelidik perlu meneliti dokumen dan kemudian ditulis secara ringkas ke dalam borang ringkasan dokumen.

Penyelidik perlu membaca berulang kali sebelum membuat ringkasan bagi ketiga-tiga jenis data di atas. Penyelidik juga perlu membuat kodifikasi bagi setiap maklumat pada masa yang sama. Penyelidik akan menulis perkataan-perkataan penting di ruang analisis sebelah kanan catatan lapangan lengkap bagi memastikan haya data yang sesuai dan berkaitan dengan kajian telah diringkaskan.

Penyelidik perlu meneliti kembali semua catatan lapangan, transkripsi temu bual dan dokumen beserta ringkasan kesemua data selepas proses pengutipan data selesai. Kemudian penyelidik akan menyaring data-data tersebut supaya dapat memilih data yang dapat membantu menjawab soalan kajian.

Dalam kajian ini untuk membuat kodifikasi, penyelidik menggunakan kategori tertentu. Proses ini pada akhirnya akan menghasilkan tema mengenai maklumat guru, pelaksanaan program pemulihan serta masalah dan cabaran dalam melaksanakan program pemulihan di kelas Tingkatan Peralihan.

Pada bahagian yang berikutnya penyelidik akan membuat pembentangan data dan kesimpulan tentang kajian yang dijalankan. Seandainya data-data tidak dibentangkan dengan jelas adalah sukar bagi penyelidik mendapat gambaran yang menyeluruh tentang strategi dan proses penggunaan kodifikasi masih sukar diteliti walaupun proses kodifikasi data telah dilakukan.

Penyelidik mudah membuat penentuan tema atau pola selepas data-data dibentangkan. Seterusnya penyelidik boleh mengkategorikan tema-tema yang berlainan. Proses pelaksanaan dan permasalahan Program Pemulihan Bahasa Melayu dapat dilihat oleh penyelidik dengan tersusun dan teratur. Akhirnya, penyelidik membuat kesimpulan berdasarkan pola-pola yang seringkali muncul dalam setiap tema. Contohnya masalah bahan bantu mengajar sering mempengaruhi tindakan guru dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Peralihan.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian kualitatif kesahan dan kebolehpercayaan data boleh dilakukan melalui proses triangulasi dan perbincangan dengan guru, pensyarah penyelia dan rakan-rakan sekuliah kursus PBGS 6318. Proses triangulasi dalam kajian ini dibuat secara sesama teknik dengan *membandingkan data daripada dua pemerhatian dan dua temu bual yang dijalankan manakala antara teknik pula membandingkan data daripada pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen yang dihimpun serentak dalam satu masa.*

Di samping itu bagi memelihara kesahan kandungan kajian, kesahan dan kebolehpercayaan boleh diperoleh melalui maklum balas peserta kajian dan pelajar-pelajar. Seterusnya melalui

perbincangan dengan pensyarah penyelia Profesor Madya Dr. Mahzan Arshad. Melalui cara ini penyelidik dapat mengesan sebarang kesilapan serta kelemahan dan membincangkannya untuk diperbaiki. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian dapat dipelihara dengan proses ini.

Penulisan Laporan

Data-data yang telah dikumpul akan dikumpul oleh penyelidik akan dianalisis dalam dua peringkat iaitu semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data. Setelah proses analisis data selesai penyelidik akan memulakan proses penulisan laporan penyelidikan yang akhir. Penyelidik akan melaporkan hasil dapatan yang telah ditemukan. Laporan ini akan menyampaikan suatu penghuraian yang terperinci berdasarkan perspektif peserta kajian. Dalam penulisan laporan penyelidikan kualitatif, kesedaran tentang elemen konteks, penempatan diri dan luahan suara pihak yang berkenaan akan membolehkan penyelidik memahami dan akhirnya memberi gambaran tentang kompleksiti alam sesebuah kajian (Marohaini Yusoff, 2001).